

13/05/2003

PM lancar Bulan Sukan Negara

Sitti Nor Azizah Talata

PELANCARAN Bulan Sukan Negara peringkat kebangsaan 2003 akan disempurnakan

oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed, di Padang Merdeka, Kota Kinabalu, pada 15 Jun ini.

Sabah buat julung kalinya menjadi tuan rumah acara tahunan itu yang sambutannya diadakan di seluruh negara hingga 14 Julai ini.

Menteri Belia dan Sukan Sabah, Tan Sri Joseph Kurup, berkata ia adalah penghormatan buat Sabah dan pihaknya akan berusaha memastikan acara itu berjalan dengan lancar.

Beberapa tetamu kehormat dijangka hadir pada hari pelancaran itu, termasuk Ketua Menteri Sabah, Datuk Musa Aman dan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishamuddin Hussein.

Beliau menjangka lebih 5,000 peserta akan menghadiri majlis pelancaran itu nanti.

Bercakap pada sidang akhbar mengenai Bulan Sukan Negara di kementerianannya semalam, Kurup yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pelaksana tahun ini, berkata pihaknya sudah mengatur pelbagai acara sempena program itu yang bertemakan 'Sukan Pemangkin Keamanan Sejagat'.

Antaranya program berbasikal ria yang disertai 200 penunggang menuju ke Padang Merdeka, senamrobik perdana, Larian Malaysia Cergas sejauh lima kilometer, golf dan aktiviti sukan.